

03/10/2001

Sultan Brunei dianugerah Doktor Falsafah UIAM

KUALA LUMPUR, Selasa - Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkih dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat Sains Politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada konvokesyen khas di kampus induknya di Gombak, dekat sini, hari ini.

Ijazah berkenaan disampaikan Ketua Perlembagaan UIAM, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan Sultan Hassanal Bolkih dalam pembangunan UIAM dan umat Islam secara keseluruhannya.

Sultan Brunei kini dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia. Semalam, baginda mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sultan Ahmad Shah dalam titah ucapannya menjelaskan anugerah itu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan Sultan Brunei dalam menggalakkan intelektual masyarakat Islam.

Sultan Pahang berkata, UIA sentiasa menggalakkan kerjasama serta perhubungan baik dalam bidang pendidikan dengan negara Islam di dunia.

"Beta berharap perhubungan baik antara kedua-dua institusi ini akan menghasilkan kekuatan tersendiri yang dapat memberikan kebaikan bukan saja kepada umat Islam, tetapi juga semua pihak," katanya.

Sultan Hassanal Bolkih pula menganggap penghormatan itu bukan hanya untuk baginda, malah rakyat Brunei.

"Universiti Brunei Darussalam (UBD) patut menjalin kerjasama lebih rapat dengan UIAM bagi manfaat bersama. Beta berharap Malaysia dan Brunei akan terus menikmati keamanan, kemakmuran dan kestabilan, dan akan sentiasa mengikuti perubahan yang berlaku tanpa mengorbankan nilai-nilai murni mereka," kata baginda.

Selepas majlis itu, UIA dan UBD turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan lagi kualiti serta rangkaian akademik kedua-dua universiti.

MoU yang menjurus bidang pendidikan itu, antara lain memuatkan perjanjian pertukaran tenaga pengajar, bahan perpustakaan, penyelidikan bersama dan kemasukan pelajar lepasan ijazah.

UIA diwakili Rektornya, Prof Dr M Kamal Hassan, manakala UBD diwakili Naib Canselornya, Datuk Paduka Seri Setia Prof Dr Mahmud Saedon Awang Othman.

Menteri Pendidikan kedua-dua negara, Tan Sri Musa Mohamad dan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Datuk Seri Setia Awang Abdul Aziz Awang Umar, Presiden UIA, Tan Sri Sanusi Junid, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakub, turut hadir.

(END)